

SOALAN NO: 2

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :

YB Ir. Shahrudin bin Ismail [Kangar] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah projek perumahan PR1MA bakal dilaksanakan di Kangar seperti yang telah dicadangkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 3,956 unit rumah untuk dibina di sekitar negeri Perlis. Jumlah unit yang telah diluluskan ini dijangka akan meningkat selaras dengan kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA bersidang.

Kesemua projek-projek yang telah diluluskan tersebut sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan dan pembangunan. Antara lokasi yang telah dikenal pasti termasuklah di sekitar kawasan Titi Tinggi, Ngulang, Padang Besar, Kuala Perlis dan Kangar.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat jua, daripada jumlah tersebut, sebanyak dua (2) projek yang merangkumi 1,271 unit telah menerima kelulusan Kebenaran Merancang (DO) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). PR1MA akan memajukan permohonan kelulusan DO bagi projek-projeknya yang lain dalam masa terdekat. Bagi projek PR1MA di Kangar, pada ketika ini PR1MA sedang dalam proses rundingan dengan pihak pemaju dan pihak-pihak yang berkaitan untuk meneliti cadangan pembangunannya di kawasan tersebut.

Selain itu, usaha mengenal pasti lokasi-lokasi lain yang sesuai untuk pembangunan PR1MA sedang dipertingkatkan bagi menggalakkan lebih banyak rancangan projek pembangunannya. PR1MA mengalu-

alukan sebarang cadangan dari pihak Kerajaan Negeri serta pemaju swasta mahupun orang perseorangan yang mempunyai tanah-tanah di kawasan yang bersesuaian dan strategik untuk pembangunan PR1MA di Perlis. Sekiranya ada, PR1MA boleh mempertimbang dan mengkaji kesesuaiannya.

Sekian. Terima kasih.